KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

DRAF

RSNPP2040

RINGKASAN EKSEKUTIF

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG

Kajian Semula



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

DRAF

RINGKASAN EKSEKUTIF

RSNPP2040

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG

Kajian Semula

DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2040

Kajian Semula

Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) adalah pelan pembangunan yang disediakan selaras dengan peruntukan Seksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).



Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) disediakan bertujuan menggantikan RSN Pulau Pinang 2030 yang telah diwartakan pada 24 Oktober 2019 (Warta Kerajaan Jilid 63 No. 1068 Tambahan No. 3/22).

Rancangan Struktur merupakan dokumen pernyataan bertulis yang disediakan untuk merangka, memandu dan mengawal dasar perancangan, cadangan pemajuan dan penggunaan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) selaras dengan peruntukan 8 (3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

KEPERLUAN DRAF RSN PULAU PINANG 2040

Kajian Semula

DASAR PERANCANGAN SEMASA

- Menterjemahkan komitmen utama negara di peringkat global dan antarabangsa.
- Menyelaras dengan perubahan dasar di peringkat persekutuan.
- Menyelaras dasar-dasar Rancangan Struktur Negeri (RSN) dengan penyediaan Rancangan Tempatan (RT) berkaitan.
- Mengkaji dan menyelaras semula dasar-dasar perancangan terkini yang tiada semasa penyediaan RSNPP 2030.

PROJEK BERIMPAK TINGGI

- Menyelaras semula pelaksanaan projek berimpak tinggi yang diluluskan.

PENDEKATAN BAHARU DALAM PEMBANGUNAN BANDAR

- Menerap pendekatan pembangunan baharu dalam perancangan Negeri Pulau Pinang.

PENYELARASAN PERANCANGAN GUNA TANAH

- Menyelaras semula perancangan guna tanah dan fizikal Negeri Pulau Pinang termasuk negeri bersempadan.

VISI PEMBANGUNAN DRAF RSN PULAU PINANG 2040

Kajian Semula

PULAU PINANG PROGRESIF, INKLUSIF DAN MAMPAN

Progresif

Pembangunan yang inklusif, mampan dan berdaya tahan.
Penekanan kepada inovasi serta penggunaan teknologi pintar dalam pengurusan bandar dan ekonomi.

Pemacu kepada ekonomi bernilai tinggi berasaskan pengetahuan.
Menyokong peningkatan pendapatan rakyat ke arah status berpendapatan tinggi.

Pengukuhan peningkatan produktiviti melalui automasi, pendigitalan dan inovasi proses merentas sektor.
Penerapan teknologi tinggi sebagai pemangkin daya saing global.

Pembangunan modal insan yang kreatif, berpengetahuan tinggi, mahir digital dan adaptif terhadap perubahan.
Memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan serta memperkukuh daya saing negeri.

Inklusif

Penekanan pembangunan yang seimbang dan menyeluruh.
Merentasi kawasan, peluang ekonomi serta kepelbagaian kaum, umur dan jantina bagi memastikan pengagihan manfaat pembangunan secara saksama.

Pengukuhan keterangkuman komuniti.
Menggalakkan penyertaan aktif semua lapisan masyarakat dalam proses pembangunan negeri.

Penyediaan kemudahan awam yang lengkap, berkualiti dan mudah diakses.
Selaras dengan keperluan penduduk dan perubahan demografi.

Penawaran kediaman mampu milik yang mencukupi dan berkualiti.
Selaras dengan kemampuan isi rumah dan keperluan perumahan semasa serta masa hadapan.

Pembangunan infrastruktur yang menyeluruh dan terhubung.
Memperkukuh kesalinghubungan serta akses kepada peluang ekonomi dan perkhidmatan.

Mampan

Penekanan pembangunan mesra alam.
Pengintegrasian prinsip kelestarian dalam perancangan guna tanah dan pembangunan, bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pemeliharaan alam sekitar.

Pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) serta pengurusan pantai dan aktiviti tebus guna tanah secara mampan.
Melindungi ekosistem, sumber semula jadi dan kawasan pesisir melalui kawalan pembangunan yang bersesuaian.

Penyediaan persekitaran yang bersih, hijau, selamat dan sihat.
Peningkatan kualiti persekitaran bandar, ruang hijau dan persekitaran awam yang kondusif untuk kehidupan komuniti.

Pemeliharaan warisan dan perlindungan aset warisan.
Pengintegrasian nilai sejarah, budaya dan karakter setempat dalam pembangunan bagi mengekalkan identiti negeri.

MATLAMAT PEMBANGUNAN DRAF RSN PULAU PINANG 2040

Kajian Semula

01 PENERAJU EKONOMI INOVASI

Pulau Pinang menjadi sebuah sistem ekonomi berasaskan pengetahuan, nilai tinggi, teknologi termaju dan modal insan kreatif.

BERDAYA SAING GLOBAL 02

Keupayaan Pulau Pinang untuk bersaing di peringkat antarabangsa dari segi ekonomi, infrastruktur, kualiti hidup, dan kemampanan.

PULAU PINANG SEBAGAI NEGERI PENERAJU EKONOMI INOVASI, BERDAYA SAING GLOBAL, METROPOLITAN INKLUSIF DAN SEJAHTERA MENJELANG 2040

Pulau Pinang sebagai sebuah kawasan bandar yang maju, mempunyai infrastruktur bertaraf dunia, ekonomi yang kukuh, dan keterhubungan yang baik.

03 METROPOLITAN INKLUSIF

Matlamat utama pembangunan negeri yang memastikan keseimbangan antara kemakmuran ekonomi, kemampanan alam sekitar, dan kesejahteraan hidup rakyat.

SEJAHTERA 04

CABARAN NEGERI PULAU PINANG

01 **Persaingan serantau** daripada negeri berjiran dan negeri lain di Malaysia seperti Singapura, Thailand, Vietnam dan Indonesia.

02 **Guna tanah tanpa halangan** (16.05%, 17,888.19 hek) untuk pembangunan perbandaran masa hadapan dan keperluan pengawalan kepada kawasan strategik, KSAS dan tanah tinggi.

03 **Ketidakseragaman guna tanah, pergantungan bekalan infrastruktur** dan **kesesakan mobiliti** antara negeri bersempadan.

04 **Kebergantungan kepada pasaran global yang tidak menentu** – keperluan diversifikasi ekonomi.

05 Industri lama dan **tidak berdaya saing** serta tanah **industri sedia ada** yang **kosong tidak dioptimumkan.**

06 **Infrastruktur dan kemudan asas yang terhad** di luar taman perindustrian.

07 **Kawasan perniagaan lama, usang, dan tidak berdaya maju** serta ruang perniagaan sedia ada kosong (hampir 30%) dan tidak dioptimumkan sepenuhnya.

08 **Tekanan pembangunan di kawasan jelapang padi** (924 hektar (4.4%) pasel padi berkurangan) dan **kacau ganggu aktiviti penternakan** kepada kawasan petempatan.

09 **Penurunan produktiviti pertanian** (padi: pengurangan 20.6%), penternakan (lembu & kerbau: pengurangan 52.5%) dan **pengurangan hasil sumberjaya perikanan** (ikan laut pantai: pengurangan 31% dan ikan laut dalam: pengurangan 84.7%).

10 **Keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)** menampung kemasukan penerbangan/pelancongan dan tekanan daya tampung **Bukit Bendera** yang semakin **meningkat.**

CABARAN NEGERI PULAU PINANG

11	**Tekanan pembangunan ke atas TWD UNESCO George Town** terutama di zon penampan, pelancongan di Daerah Seberang Perai dan ketersambungan kemudahan dan fasiliti pelancongan yang menyeluruh.
12	**Kesesakan jalan dan lebuhraya semasa yang meninggi** (90% LoV) dan keperluan jaringan pengangkutan yang berprestasi tinggi bagi tujuan mobilitI penumpang dan barangan di masa hadapan.
13	**Prestasi rendah pengangkutan awam semasa yang rendah dengan kebergantungan kenderaan auto** (95%) tidak menjamin keadaan bandar raya mampan di masa hadapan.
14	**Pergantungan sumber air mentah dari negeri bersempadan.**
15	**Penuaan penduduk** (8% penduduk berumur 65 tahun), **tenaga kerja semakin berkurangan** (73.3% (2024) kepada 71.5% (2040)), **dan jurang pembangunan sosioekonomi antara wilayah.**
16	**Ketidaksepadanan harga rumah dan pendapatan di Pulau Pinang** serta permintaan dan penawaran perumahan mampu milik.
17	**Tekanan pembangunan baharu tanpa kawalan perancangan yang berkesan** berpotensi menyebabkan pencerobohan terhadap Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).
18	**Ancaman pelbagai risiko bencana secara berlapis** (multi-hazard) seperti banjir, tanah runtuh, kejadian cuaca ekstrem dan kenaikan paras laut semakin meningkat akibat perubahan iklim dan tekanan pembangunan.
19	**Penguasaan ekonomi Bumiputera yang rendah.**
20	**Tiada penerapan elemen *'risk based planning'*** dalam perancangan dan pembangunan untuk bencana buatan manusia.

POTENSI PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG

PEMBANGUNAN WILAYAH DAN NEGERI

Hab serantau bagi industri teknologi tinggi, pendidikan, kesihatan, pengangkutan & pelancongan warisan ASEAN serta pembangunan bersepadu dengan negeri bersempadan.

GUNA TANAH DAN PEMBANGUNAN FIZIKAL

Pelaksanaan & pengadaptasian Konsep Pembangunan Bandar Bersepadu dan Mampan.

PETEMPATAN DAN TREND PEMBANGUNAN

Pembangunan Bandar Metropolitan George Town & Butterworth serta pengukuhan fungsi bandar dan pengekalan kampung warisan.

ASAS EKONOMI

Hab semikonduktor, industri digital & peranti perubatan berteknologi tinggi serta perkhidmatan bernilai tinggi.

KEPENDUDUKAN DAN GUNA TENAGA

Penubuhan hab modal insan berkemahiran tinggi & penyertaan warga emas serta wanita dalam aktiviti ekonomi dipertingkatkan.

PERINDUSTRIAN

Pelaksanaan konsep *Manage Industrial Park (MIP)* & pembaharuan kawasan perindustrian lama sebagai Zon Ekonomi Pintar.

PERDAGANGAN

Pembaharuan semula kawasan perdagangan terbiar, usang & tidak berdaya maju melalui konsep Guna Semula Bangunan (Adaptive Reuse).

PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Pembangunan aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan akuakultur serta IAT yang lebih mampan, moden dan berhasil tinggi.

PELANCONGAN

Pengukuhan produk pelancongan Niche (utama); Warisan & Budaya, Eko & Alam Semulajadi, MICE, Kesihatan, Pendidikan, Gastronomi.

POTENSI PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG

WARISAN DAN PEMELIHARAAN BUDAYA

Hab Pelancongan, Kebudayaan dan Kreatif peringkat ASEAN & pemerkasaan tadbir urus, pemeliharaan & pengurusan warisan bertaraf dunia.

PENGANGKUTAN DAN LALU LINTAS

Pembangunan rangkaian sistem pengangkutan awam bersepadu dan penerapan sistem pintar dalam pengurusan trafik dan logistik.

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Kolaborasi & perancangan dengan negeri berjiran bagi mempertingkatkan ketersediaan air mentah dan penyaluran air terawat.

PERUMAHAN

Pengukuhan dasar, model pembiayaan dan kawalan bagi mengurangkan jurang harga rumah dan pendapatan.

KEMUDAHAN MASYARAKAT, TANAH LAPANG & REKREASI

Pembangunan kemudahan masyarakat yang bersepadu dan vertikal serta peningkatan status pewartaan tanah lapang.

PENGAIRAN, SALIRAN, BADAN AIR DAN PANTAI

Pembangunan Sistem Amaran Awal Kemarau, Banjir dan Persisir Pantai serta Teknologi Pintar dan Automasi dalam pengurusan saliran.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Penerapan elemen *Risk Based Planning* dalam perancangan fizikal negeri yang lebih menyeluruh serta penggunaan Teknologi Digital Newgen dalam urus tadbir kerajaan negeri.

PENGURUSAN SUMBERJAYA ASLI, ALAM SEKITAR, PERLOMBONGAN & PERHUTANAN

Pengukuhan sistem pemantauan kualiti alam sekitar & pembangunan inisiatif pemuliharaan biodiversiti melalui penerapan teknologi tinggi.

RISIKO BENCANA

Pengukuhan pengurusan risiko bencana melalui pendekatan bersepadu termasuk pendekatan berasaskan komuniti (CLDRR).

UNJURAN & SASARAN UTAMA NEGERI PULAU PINANG 2040

RANGKA WILAYAH
2024: HUB SERANTAU
2040: HUB GLOBAL

GUNA TANAH TEPU BINA
2024: 49,645.79 HEKTAR
2040: 59,419.22 HEKTAR

PETEMPATAN & TREND PEMBANGUNAN
2024: 1 BANDAR WILAYAH
2040: 2 BANDAR METROPOLITAN

PENDUDUK
2024: 1,800,500 ORANG
2040: 2,019,797 ORANG

KDNK NEGERI
2024: RM121.5 BILLION
2040: RM250.5 BILLION

ISI RUMAH
2024: 545,000 ISI RUMAH
2040: 609,964 ISI RUMAH

RUANG LANTAI PERNIAGAAN
2024: 76.19% PENGHUNIAN
2040: 100% PENGHUNIAN

PELANCONG DOMESTIK
2024: 16.61 JUTA PELANCONG
2040: 21.07 JUTA PELANCONG

PELANCONG ANTARABANGSA
2024: 3.86 JUTA PELANCONG
2040: 5.01 JUTA PELANCONG

PRODUK WARISAN
2024: 94 PRODUK
2040: 103 PRODUK

PRODUKTIVITI PADI
2024: 56.2% 4.8 TAN/HEK
2040: 80% 6 TAN/HEK

SAYURAN
2024: 45.4% 12,216 METRIK TAN
2040: 79% 21,100.31 METRIK TAN

TERNAKAN LEMBU
2024: 15.9% 2,612.93 METRIK TAN
2040: 40% 6,573.41 METRIK TAN

TERNAKAN KAMBING
2024: 10.6% 157.60 METRIK TAN
2040: 30% 446 METRIK TAN

AKUAKULTUR
2024: 98% 371,090,158 METRIK TAN
2040: 123% 465,756,014 METRIK TAN

TERNAKAN KHINZIR
2024: 18,143 METRIK TAN
2040: 24,083 METRIK TAN

KADAR AIR TIDAK TERAKAUN (NRW)
2024: 28%
2040: 20%

KADAR PENGGUNAAN AIR DOMESTIK PER KAPITA
2024: 261 LSH
2040: 210 LSH

UNJURAN & SASARAN UTAMA NEGERI PULAU PINANG 2040

LIPUTAN KOMUNIKASI
- 2024: 0% 6G
- 2040: 100% 6G

PENGGUNAAN KAWASAN INDUSTRI TERANCANG
- 2024: 72.42 - 80% YANG DIBANGUNKAN
- 2040: 100% YANG DIBANGUNKAN

BUAH-BUAHAN
- 2024: 79.8% 33,560 METRIK TAN
- 2040: 83% 34,905.76 METRIK TAN

PENGANGKUTAN
- 2024: 5% MODAL SPLIT PENGANGKUTAN AWAM
- 2040: 40% MODAL SPLIT PENGANGKUTAN AWAM; 15% JALAN RAYA SESAK; >4.5 INDEKS PRESTASI LOJISTIK

TENAGA BURUH
- 2024: 950,200 ORANG
- 2040: 1,247,000 ORANG

HASIL LAUT
- 2024: 89.4% 38,226 METRIK TAN
- 2040: 100% 42,758.39 METRIK TAN

PERUMAHAN
- 2025: 696,669 UNIT; 199,069 UNIT (RMM)
- 2040: 771,669 UNIT; 399,919 UNIT (RMM)

KOMPLEKS BELI-BELAH
- 2020: 6/34 RUANG OPTIMUM BANGUNAN (100%)
- 2040: 22/34 RUANG OPTIMUM BANGUNAN (100%)

TERNAKAN AYAM
- 2024: 90.2% 84,516.10 METRIK TAN
- 2040: 140% 131,177.98 METRIK TAN

KEMUDAHAN AWAM
	2024	2040
	44 UNIT	54 UNIT
	58 UNIT	68 UNIT
	396 UNIT	465 UNIT

KADAR KITAR SEMULA
- 2024: 53.68%
- 2040: 80%

KAWASAN LAPANG
- 2018: 1,588.75 HEK
- 2040: 4,039.59 HEK

KEAGAMAAN
	2024	2040
ISLAM	659 UNIT	711 UNIT
BUKAN ISLAM	1,145 UNIT	1,162 UNIT

SISTEM PEMBETUNGAN
- 2024: 38%
- 2040: 60%

AKSESIBILITI SISTEM PEMBETUNGAN RSTP

HUTAN SIMPAN KEKAL
- 2024: 6,509.21 HEKTAR
- 2040: 100% PENGEKALAN

PERKUBURAN
	2024	2040
ISLAM	89.02 HEK	119.75 HEK
BUKAN ISLAM	793.63 HEK	831.04 HEK

JALUR LEBAR
- 2020: 57.6%
- 2040: 80%

KADAR PENEMBUSAN PREMIS KEPADA JALUR LEBAR TALIAN TETAP (BAGI SETIAP 100 PREMIS)

KAWASAN BERHUTAN
- 2024: 9,620.08 HEKTAR
- 2040: 100% PENGEKALAN

KERANGKA PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG 2040



TUMPUAN, DASAR DAN INISIATIF PELAKSANAAN DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2040

Kajian Semula

TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TP7
PEMBANGUNAN SPATIAL BERSEPADU, ADAPTIF DAN TERKAWAL	EKONOMI BERDAYA SAING, BERNILAI TINGGI DAN BERTARAF GLOBAL TERKAWAL	INFRASTRUKTUR DINAMIK & PERKHIDMATAN UTILITI TERANGKUM	KOMUNITI INKLUSIF, BERKUALITI DAN TERHUBUNG	KEMAMPANAN SUMBER DAN KETAHANAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM	PEMERKASAAN PENYERTAAN BUMIPUTERA	TADBIR URUS BERSEPADU DAN PELAKSANAAN STRATEGIK
PS	PE	PU	PK	PA	PB	PT
6 HALA TUJU	10 HALA TUJU	7 HALA TUJU	3 HALA TUJU	3 HALA TUJU	1 HALA TUJU	1 HALA TUJU
15 STRATEGI PERANCANGAN	32 STRATEGI PERANCANGAN	16 STRATEGI PERANCANGAN	7 STRATEGI PERANCANGAN	11 STRATEGI PERANCANGAN	1 STRATEGI PERANCANGAN	8 STRATEGI PERANCANGAN
31 INISIATIF PELAKSANAAN	98 INISIATIF PELAKSANAAN	34 INISIATIF PELAKSANAAN	28 INISIATIF PELAKSANAAN	20 INISIATIF PELAKSANAAN	9 INISIATIF PELAKSANAAN	15 INISIATIF PELAKSANAAN

7 TUMPUAN PERANCANGAN

31 HALA TUJU (DASAR UTAMA)

90 STRATEGI PERANCANGAN (DASAR KHUSUS)

235 INISIATIF PELAKSANAAN

TP1

6 Hala Tuju
(Dasar Utama)

15 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

31 Inisiatif Pelaksanaan

PEMBANGUNAN SPATIAL BERSEPADU, ADAPTIF DAN TERKAWAL

PS1	PENGUKUHAN PERANAN PULAU PINANG SEBAGAI NODUS UTAMA PEMBANGUNAN SERANTAU	2 STRATEGI PERANCANGAN	4 INISIATIF PELAKSANAAN
PS2	PEMBANGUNAN GUNA TANAH YANG OPTIMA DAN MAMPAN BERDASARKAN POTENSI DAN KEUPAYAAN SUMBER SETEMPAT	3 STRATEGI PERANCANGAN	9 INISIATIF PELAKSANAAN
PS3	PENGURUSAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN KHUSUS SECARA TERANCANG BAGI MENJAMIN KEPENTINGAN STRATEGIK NEGERI.	3 STRATEGI PERANCANGAN	3 INISIATIF PELAKSANAAN
PS4	PEMBANGUNAN PULAU-PULAU KECIL SEDIA ADA	3 STRATEGI PERANCANGAN	3 INISIATIF PELAKSANAAN
PS5	PEMBANGUNAN GUNA TANAH YANG SELARAS, BERSEPADU DAN BERSINERGI DENGAN NEGERI BERJIRAN DI KAWASAN SEMPADAN NEGERI PULAU PINANG	1 STRATEGI PERANCANGAN	3 INISIATIF PELAKSANAAN
PS6	PENGGALAKAN PEMBANGUNAN PUSAT PERBANDARAN YANG TERSUSUN, SEIMBANG DAN BERFUNGSI SERTA BERDAYA MAJU	3 STRATEGI PERANCANGAN	9 INISIATIF PELAKSANAAN

Tumpuan Perancangan 1 memberi penekanan kepada pembangunan spatial Negeri Pulau Pinang yang bersepadu, terkawal dan berdaya tahan. Pendekatan ini merangkumi pengukuhan struktur petempatan, pembangunan berorientasikan transit (TOD) serta pengoptimuman penggunaan tanah. Pada masa yang sama, perlindungan kawasan sensitif dan peningkatan daya tahan terhadap perubahan iklim serta risiko bencana turut diberi keutamaan. Berikut merupakan kepentingan bagi setiap hala tuju yang dicadangkan di bawah Tumpuan Perancangan 1:

PS1

- Memperkukuh keterhubungan wilayah melalui integrasi infrastruktur strategik darat, laut dan udara.
- Meningkatkan daya saing negeri sebagai hab utama pelaburan, perdagangan dan inovasi serantau.
- Memperkasa Pulau Pinang sebagai destinasi antarabangsa bagi pelancongan warisan, kesihatan dan pendidikan.

PS2

- Mengoptimumkan penggunaan tanah mengikut keupayaan semula jadi kawasan.
- Mengimbangi pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
- Menjamin kelangsungan pembangunan mampan untuk generasi akan datang.

PS3

- Memastikan pembangunan tersusun dan terkawal selaras dengan perancangan strategik negeri.
- Mengoptimumkan potensi ekonomi bagi menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan.
- Memelihara alam sekitar dan kesejahteraan komuniti secara mampan.

PS4

- Memastikan pembangunan seimbang dan mampan tanpa menjejaskan kawasan sensitif alam sekitar.
- Memelihara ekosistem, landskap dan biodiversiti pulau daripada tekanan pembangunan.
- Menggalakkan ekonomi setempat berimpak rendah melalui eko-pelancongan dan pelancongan komuniti.

PS5

- Mengurangkan konflik guna tanah dan menyelaras pembangunan di kawasan sempadan.
- Memperkukuh jaringan ekonomi serantau melalui integrasi industri, perdagangan, logistik dan infrastruktur.
- Meningkatkan kesejahteraan komuniti sempadan melalui kemudahan, pengangkutan dan perkhidmatan bersepadu.

PS6

- Mengurangkan jurang pembangunan spatial dan meningkatkan kecekapan sistem perbandaran negeri.
- Memperkukuh fungsi hierarki petempatan bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan pembangunan tidak terkawal.

TP2

10 Hala Tuju
(Dasar Utama)

32 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

98 Inisiatif Pelaksanaan

EKONOMI BERDAYA SAING, BERNILAI TINGGI DAN BERTARAF GLOBAL

PE1	PENGUKUHAN PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT TUMPUAN EKONOMI GLOBAL	1 STRATEGI PERANCANGAN	5 INISIATIF PELAKSANAAN
PE2	PENJAJARAN AKTIVITI INDUSTRI KE ARAH INDUSTRI 5.0	3 STRATEGI PERANCANGAN	7 INISIATIF PELAKSANAAN
PE3	PEMERKASAAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN MIKRO KECIL SEDERHANA (PMKS)	2 STRATEGI PERANCANGAN	5 INISIATIF PELAKSANAAN
PE4	PENINGKATAN DAYA SAING KAWASAN DAN PERKHIDMATAN TIDAK BERDAYA MAJU	4 STRATEGI PERANCANGAN	8 INISIATIF PELAKSANAAN
PE5	PELAKSANAAN AKTIVITI PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN AKUAKULTUR YANG BERDAYA SAING, MAMPAN DAN BERHASIL TINGGI	7 STRATEGI PERANCANGAN	23 INISIATIF PELAKSANAAN

TP2

10 Hala Tuju
(Dasar Utama)

32 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

98 Inisiatif Pelaksanaan

EKONOMI BERDAYA SAING, BERNILAI TINGGI DAN BERTARAF GLOBAL

PE6	**PENGUKUHAN PULAU PINANG SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN GLOBAL**	**3** STRATEGI PERANCANGAN	**12** INISIATIF PELAKSANAAN
PE7	**PENUMPUAN PELANCONGAN KREATIF DAN BAHARU DAN PEMERKASAAN EKONOMI PELANCONGAN DAERAH SEBERANG PERAI**	**3** STRATEGI PERANCANGAN	**11** INISIATIF PELAKSANAAN
PE8	**PEMBANGUNAN TAPAK BIOSFERA BUKIT BENDERA SEBAGAI DESTINASI 'NICHE' WARISAN HIJAU BERTARAF GLOBAL**	**2** STRATEGI PERANCANGAN	**6** INISIATIF PELAKSANAAN
PE9	**PENGUKUHAN PULAU PINANG SEBAGAI HAB PELANCONGAN WARISAN SERTA GEORGE TOWN SELAKU MODEL BANDAR WARISAN SERANTAU**	**5** STRATEGI PERANCANGAN	**15** INISIATIF PELAKSANAAN
PE10	**PENYEDIAAN KEMUDAHAN YANG MENCUKUPI DAN EFISIEN, PROMOSI INOVATIF SERTA MENGAMALKAN PELANCONGAN PINTAR**	**2** STRATEGI PERANCANGAN	**6** INISIATIF PELAKSANAAN

Tumpuan Perancangan 2 memfokuskan usaha memacu ekonomi Negeri Pulau Pinang ke arah pertumbuhan yang lebih berdaya saing, bernilai tinggi dan bertaraf global menjelang 2040. Fokus utama merangkumi pengukuhan sektor strategik, teknologi, inovasi, ekonomi digital serta penyepaduan aktiviti perdagangan, perindustrian dan logistik. Pada masa yang sama, pembangunan modal insan, pemerkasaan PKS dan tarikan pelaburan berkualiti turut dipertingkat bagi membentuk ekonomi yang berdaya tahan, inklusif dan mampan. Sehubungan itu, setiap hala tuju di bawah Tumpuan Perancangan 2 mempunyai peranan dan kepentingan tersendiri seperti yang dipaparkan berikut:

PE1

- Mengukuhkan struktur ekonomi melalui peningkatan nilai tambah tempatan.
- Meningkatkan kedalaman rantaian nilai industri strategik.
- Merancakkan diversifikasi aktiviti ekonomi.

PE2

- Menggalakkan produk bernilai tambah tinggi melalui inovasi, R&D dan teknologi canggih.
- Mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam sektor teknologi dan ekonomi berasaskan pengetahuan.
- Membangunkan industri pintar dan mampan melalui penggunaan sumber cekap serta amalan rendah karbon.

PE3

- Memperkukuh integrasi PMKS melalui akses pembiayaan, latihan, teknologi dan platform digital.
- Menggalakkan industri bernilai tambah tinggi berasaskan pengetahuan dan teknologi.
- Memperkasa usahawan mikro dan kecil bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

PE4

- Mengoptimumkan guna tanah dan infrastruktur sedia ada melalui pembangunan semula bandar.
- Menggalakkan *adaptive re-use* dan pengaktifan semula kawasan bagi menyokong pembangunan bandar mampan.
- Mempercepat transformasi digital perniagaan untuk meningkatkan kecekapan, daya tahan dan peluasan pasaran.

PE5

- Memperkukuh sekuriti makanan negeri melalui perlindungan serta peningkatan hasil pertanian, penternakan dan akuakultur.
- Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor agromakanan melalui teknologi pintar dan amalan pertanian baik.
- Memastikan pembangunan sektor yang mampan dan bernilai tinggi melalui pengukuhan industri asas tani.

PE6

- Memperkukuh imej dan daya saing Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan global.
- Mempelbagaikan produk dan pasaran pelancongan bernilai tinggi.
- Meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negeri

PE7

- Mempelbagaikan produk pelancongan kreatif dan baharu berasaskan budaya, warisan, gastronomi, agro dan ekopelancongan.
- Memperkasa ekonomi komuniti dan usahawan tempatan melalui aktiviti pelancongan bernilai tambah serta peluang pendapatan baharu.
- Mengimbangi pembangunan pelancongan antara Pulau dan Seberang Perai dengan mengukuhkan kluster destinasi strategik.

PE8

- Memelihara warisan hijau dan biodiversiti bertaraf global melalui pembangunan pelancongan yang terkawal dan mampan.
- Memperkukuh Tapak Biosfera Bukit Bendera sebagai destinasi niche antarabangsa berasaskan alam semula jadi, budaya dan warisan.
- Meningkatkan manfaat ekonomi dan kesejahteraan komuniti tempatan melalui penyertaan dalam aktiviti serta perkhidmatan pelancongan mampan.

PE9

- Memelihara Nilai Keunggulan Sejagat (NKS), warisan binaan dan identiti budaya George Town sebagai aset warisan bertaraf dunia.
- Memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan warisan ASEAN dan global melalui daya tarikan bandar bersejarah yang hidup dan dinamik.
- Menjadikan George Town sebagai model bandar warisan serantau yang mengimbangi pemuliharaan, pembangunan kontemporari dan kelangsungan komuniti tempatan.

PE10

- Meningkatkan kemudahsampaian ke destinasi pelancongan melalui jaringan pengangkutan yang lebih mudah, selamat dan bersepadu.
- Memperkukuh penyebaran produk pelancongan bagi menghubungkan kluster ekopelancongan, rekreasi dan tarikan utama di seluruh negeri.
- Mempertingkat promosi dan pemasaran pelancongan secara inovatif bagi meningkatkan tarikan kepada pelancong domestik serta antarabangsa.

TP3

7 Hala Tuju
(Dasar Utama)

16 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

34 Inisiatif Pelaksanaan

INFRASTRUKTUR DINAMIK DAN PERKHIDMATAN UTILITI TERANGKUM

PU1	PENINGKATAN RANGKAIAN DAN PRESTASI JALAN WILAYAH DAN BANDARAN	3 STRATEGI PERANCANGAN	3 INISIATIF PELAKSANAAN
PU2	PENINGKATAN RANGKAIAN DAN PRESTASI PENGANGKUTAN AWAM SEBAGAI MOD UTAMA	2 STRATEGI PERANCANGAN	2 INISIATIF PELAKSANAAN
PU3	PENINGKATAN RANGKAIAN DAN PRESTASI LOGISTIK DAN PERKAPALAN LAUT DAN UDARA	1 STRATEGI PERANCANGAN	3 INISIATIF PELAKSANAAN
PU4	PENGUKUHAN TAHAP KEBOLEHARAPAN PERKHIDMATAN UTILITI	5 STRATEGI PERANCANGAN	12 INISIATIF PELAKSANAAN
PU5	PELAKSANAAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SECARA HOLISTIK, MAMPAN DAN MESRA ALAM	2 STRATEGI PERANCANGAN	5 INISIATIF PELAKSANAAN
PU6	PERLUASAN CAPAIAN DAN PENINGKATAN KUALITI JALUR LEBAR SELURUH NEGERI	2 STRATEGI PERANCANGAN	5 INISIATIF PELAKSANAAN
PU7	PENGUKUHAN PENJANAAN TENAGA BOLEH BAHARU	1 STRATEGI PERANCANGAN	4 INISIATIF PELAKSANAAN

Tumpuan Perancangan 3 menekankan penyediaan infrastruktur dan utiliti yang bersepadu, cekap serta berdaya tahan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, mobiliti dan kesejahteraan rakyat. Keutamaan diberikan kepada pengukuhan sistem pengangkutan, peningkatan kebolehcapaian dan penyediaan perkhidmatan asas yang berkualiti. Penerapan teknologi pintar dan rendah karbon turut diperkasa bagi meningkatkan kecekapan serta kemampanan perkhidmatan. Aspek adaptasi terhadap perubahan iklim dan risiko bencana juga diberi perhatian untuk menjamin keselamatan serta kebolehpercayaan sistem dalam jangka panjang. Sehubungan itu, setiap hala tuju di bawah Tumpuan Perancangan 3 mempunyai kepentingan tersendiri yang merangkumi:

PU1

- Memperkukuh rangkaian jalan yang lengkap dan saling berhubung mengikut hierarki wilayah dan tempatan.
- Meningkatkan prestasi jalan raya dari segi kapasiti, kelancaran trafik dan kebolehpercayaan masa perjalanan.
- Mengoptimumkan infrastruktur sedia ada melalui TSM dengan penambahbaikan operasi yang cekap dan kos efektif.
- Melaksanakan TDM bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian serta mengutamakan pengangkutan awam.

PU3

- Meningkatkan kecekapan perkhidmatan logistik dan perdagangan bagi Pulau Pinang serta kawasan hinterland.
- Memperkukuh daya saing ekonomi dan perdagangan antarabangsa di Pulau Pinang dan Koridor Utara.
- Mengoptimumkan aliran bekalan melalui pengangkutan rel bagi mengurangkan kesesakan dan kebergantungan kepada jalan raya.

PU2

- Meningkatkan kecekapan pengangkutan awam melalui teknologi pintar, sistem tiket bersepadu dan penyelarasan perkhidmatan.
- Meningkatkan daya tarikan pengangkutan awam melalui perjalanan yang pantas, selesa dan menepati masa.
- Mengurangkan kesesakan dan pencemaran serta meningkatkan kebolehcapaian, ekonomi dan kualiti hidup.

PU4

- Menjamin keterjaminan sumber air mentah bagi memastikan bekalan air negeri kekal mencukupi dan berterusan dalam jangka panjang.
- Meningkatkan kecekapan bekalan air bersih dan terawat bagi memenuhi keperluan penduduk, industri dan pembangunan negeri.
- Memperluas penggunaan tenaga bersih dan cekap bagi mengurangkan pelepasan karbon serta menyokong peralihan kepada pembangunan hijau.
- Memperkukuh sistem pembetungan dan rawatan kumbahan bagi melindungi kesihatan awam, kualiti alam sekitar dan sumber air.

PU5

- Mengurangkan pencemaran dan pelepasan karbon melalui pengurusan sisa yang lebih cekap dan mesra alam.
- Memaksimumkan pemulihan sumber dan penjanaan tenaga bagi mengurangkan penggunaan sumber asli serta menyokong ekonomi kitaran.
- Mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sekali gus meningkatkan kesihatan awam, kebersihan persekitaran dan kelestarian negeri.

PU7

- Mempelbagaikan sumber tenaga negeri melalui pemanfaatan sumber semula jadi seperti tenaga suria dan tenaga boleh baharu lain.
- Mengurangkan kebergantungan kepada tenaga berasaskan karbon sekali gus menyokong peralihan ke arah pembangunan rendah karbon.
- Meningkatkan keterjaminan dan daya tahan tenaga melalui penerapan teknologi penjanaan serta penyimpanan tenaga yang lebih cekap dan mampan.

PU6

- Memperluas akses dan meningkatkan kualiti jalur lebar bagi memastikan keterhubungan digital yang menyeluruh di seluruh negeri.
- Memacu transformasi digital dan produktiviti ekonomi melalui penerapan teknologi komunikasi terkini dalam pelbagai sektor.
- Meningkatkan kesejahteraan dan daya saing masyarakat melalui akses maklumat, perkhidmatan pintar dan penyertaan dalam ekonomi digital.



rapid Penang
Perhentian Bus Stop
Rapid Penang
Route Next Bus
101 Penang Sentral 3 min
102 Komtar 8 min
304 Batu Ferringhi 12 min
08:45
101 PENANG SENTRAL PULAU TIKUS
rapidPenang
SCANIA
PJL 4369
BAS

TP4

3 Hala Tuju (Dasar Utama)	7 Strategi Perancangan (Dasar Khusus)	28 Inisiatif Pelaksanaan

KOMUNITI INKLUSIF, BERKUALITI DAN TERHUBUNG

PK1	PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI YANG INKLUSIF DAN MODAL INSAN BERINOVATIF	1 STRATEGI PERANCANGAN	6 INISIATIF PELAKSANAAN
PK2	PENYEDIAAN PERUMAHAN YANG MAMPU DIMILIKI	4 STRATEGI PERANCANGAN	12 INISIATIF PELAKSANAAN
PK3	PEMERKASAAN TAHAP KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG LENGKAP DAN INKLUSIF	2 STRATEGI PERANCANGAN	10 INISIATIF PELAKSANAAN

Tumpuan Perancangan 4 memberi penekanan kepada pembentukan komuniti yang inklusif, berkualiti dan berdaya tahan melalui pengurusan kependudukan, penyediaan perumahan serta kemudahan masyarakat yang terancang. Keutamaan diberikan kepada penyediaan perumahan yang mencukupi dan mampu milik, kemudahan asas yang mudah diakses serta ruang rekreasi dan tanah lapang yang berkualiti. Aspek kesejahteraan sosial, keperluan golongan rentan dan akses kepada perkhidmatan turut diberi perhatian bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Berikut merupakan kepentingan bagi setiap hala tuju yang dicadangkan di bawah Tumpuan Perancangan 4:

PK1

- Memperkukuh modal insan dan kemahiran tenaga kerja bagi menyokong sektor ekonomi strategik.
- Meningkatkan penyertaan wanita dan warga berusia melalui peluang pekerjaan yang lebih fleksibel.
- Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui automasi dan peningkatan produktiviti.
- Menggalakkan pembangunan inklusif dan seimbang melalui pelaburan, infrastruktur sosial dan program bersasar.

PK3

- Menyediakan kemudahan yang lengkap serta membolehkan masyarakat menjalani kehidupan yang lebih selesa, sihat, dan produktif.
- Mengurangkan jurang perbezaan dalam kalangan masyarakat terutama golongan rentan, OKU dan warga emas dengan memberikan akses sama rata kepada penggunaan infrastruktur.
- Meningkatan kawasan hijau dan menyediakan tempat yang selamat bagi aktiviti rekreasi dan beriadah.

PK2

- Menjamin akses kepada perumahan yang selamat, selesa dan berkualiti untuk semua lapisan masyarakat.
- Mengimbangi penawaran dan permintaan perumahan setara dengan kemampuan penduduk.
- Mengurangkan jurang sosial dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Persisiran Pantai, Bayan Lepas

TP5

3 Hala Tuju
(Dasar Utama)

11 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

20 Inisiatif Pelaksanaan

KEMAMPANAN SUMBER DAN KETAHANAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

PA1	PENGURUSAN ALAM SEKITAR YANG BERSEPADU DAN PENGGUNAAN SUMBER STRATEGIK YANG MAMPAN	4 STRATEGI PERANCANGAN	8 INISIATIF PELAKSANAAN
PA2	PENGINTEGRASIAN PENILAIAN RISIKO BENCANA DALAM KAWALAN PEMBANGUNAN	3 STRATEGI PERANCANGAN	7 INISIATIF PELAKSANAAN
PA3	PENGURUSAN BERINTEGRASI SISTEM SALIRAN, BADAN AIR, PENGAIRAN DAN PESISIR PANTAI YANG BERDAYA TAHAN IKLIM	4 STRATEGI PERANCANGAN	5 INISIATIF PELAKSANAAN

Tumpuan Perancangan 5 menekankan kepentingan memelihara sumber semula jadi dan alam sekitar sebagai asas kepada pembangunan Negeri Pulau Pinang yang mampan. Perlindungan KSAS, ekosistem, sumber air serta pengurangan pencemaran menjadi antara keutamaan utama. Pada masa yang sama, daya tahan terhadap perubahan iklim perlu diperkukuh melalui pengurusan risiko bencana, pembangunan rendah karbon serta penerapan infrastruktur hijau dan biru. Pendekatan berasaskan alam turut digalakkan bagi mengurangkan kesan banjir, hakisan pantai, tanah runtuh dan kenaikan aras laut. Usaha ini penting bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan, kelestarian alam dan kualiti hidup rakyat. Kepentingan setiap hala tuju di bawah Tumpuan Perancangan 5 adalah seperti berikut:

PA1

- Memastikan pembangunan negeri dilaksanakan secara terancang, seimbang dan mampan tanpa menjejaskan sumber semula jadi serta kesejahteraan rakyat.
- Memperkukuh Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) melalui kawalan guna tanah, pengurusan risiko bencana dan pemeliharaan biodiversiti secara bersepadu.
- Menjadi panduan kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan dalam menyelaras pembangunan berteraskan alam sekitar serta pembentukan koridor ekologi hijau dan biru secara bersepadu.

PA3

- Memastikan keterjaminan sumber air negeri dan mengukuhkan sistem saliran bandar melalui pendekatan pengurusan air bersepadu yang responsif terhadap perubahan iklim, risiko banjir dan tekanan pembangunan pesat.
- Melindungi kawasan pesisir, badan air dan ekosistem akuatik negeri bagi mengurangkan risiko hakisan, kenaikan aras laut, kemerosotan kualiti air serta menjamin keseimbangan hidrologi dan kemampanan biodiversiti.

PA2

- Mengurangkan pendedahan dan kerentanan terhadap risiko bencana dan perubahan iklim melalui integrasi pertimbangan risiko dalam kawalan pembangunan dan pengurusan guna tanah.
- Memastikan kestabilan sistem bandar dan kesinambungan pembangunan negeri dengan meminimumkan potensi kerugian fizikal, sosial dan ekonomi akibat tekanan iklim.

Bukit Bendera

TP6

1 Hala Tuju
(Dasar Utama)

1 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

9 Inisiatif Pelaksanaan

PEMERKASAAN PENYERTAAN BUMIPUTERA

PB1

PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

1 STRATEGI PERANCANGAN

9 INISIATIF PELAKSANAAN

TP7

1 Hala Tuju
(Dasar Utama)

8 Strategi Perancangan
(Dasar Khusus)

15 Inisiatif Pelaksanaan

TADBIR URUS BERSEPADU DAN PELAKSANAAN STRATEGIK

PT1

TRANSFORMASI SISTEM TADBIR URUS NEGERI YANG EFEKTIF

8 STRATEGI PERANCANGAN

15 INISIATIF PELAKSANAAN

PB1

- Dasar ini menyokong penyertaan, pemilikan, dan penguasaan ekonomi Bumiputera secara lebih adil dan seimbang dalam setiap aktiviti ekonomi.
- Mengurangkan jurang sosioekonomi antara etnik.
- Menyokong prinsip teras Malaysia MADANI, khususnya aspek kesejahteraan, keadilan sosial dan kemampanan pembangunan.

Tumpuan Perancangan 6 memberi penekanan kepada pemerkasaan penyertaan Bumiputera dalam pembangunan ekonomi dan sosial Negeri Pulau Pinang secara lebih menyeluruh dan berdaya saing. Keutamaan diberikan kepada peningkatan penglibatan dalam sektor ekonomi strategik, keusahawanan, pemilikan aset, pembangunan modal insan serta akses kepada peluang pekerjaan dan perniagaan. Pada masa yang sama, pengukuhan kapasiti, kemahiran dan daya saing Bumiputera perlu dipertingkat bagi memastikan penyertaan yang lebih seimbang dalam arus pembangunan negeri. Pendekatan ini penting bagi mewujudkan pertumbuhan yang lebih inklusif, saksama dan mampan menjelang tahun 2040. Kepentingan setiap hala tuju di bawah Tumpuan Perancangan 6 adalah seperti berikut:

PT1

- Merupakan dokumen bersama yang dipertanggungjawabkan kepada semua agensi kerajaan, pihak berkepentingan dan masyarakat awam.
- Dokumen ini menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan perancangan dan pembangunan serta pemantauan yang berterusan.

Tumpuan Perancangan 7 menekankan pengukuhan tadbir urus bersepadu dan pelaksanaan strategik bagi memastikan hala tuju Draf RSN Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) dapat diterjemahkan secara berkesan. Penyelarasan antara kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal dan pihak berkepentingan menjadi asas kepada pelaksanaan dasar, program dan projek yang lebih tersusun. Keutamaan turut diberikan kepada pelaksanaan secara berfasa, pemantauan berasaskan prestasi serta penggunaan data dan teknologi digital. Pendekatan yang telus, adaptif dan berakauntabiliti ini penting bagi memastikan pembangunan negeri dilaksanakan secara berfokus, responsif dan mampan. Kepentingan setiap hala tuju di bawah Tumpuan Perancangan 7 adalah seperti berikut:

CADANGAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DI NEGERI PULAU PINANG

01
Lebuhraya Lingkaran Pantai Pulau Pinang

Menghubungkan kawasan tersebut ke pusat ekonomi di utara

02
Pengekalan Middle Bank Marine Sanctuary

Kawasan perlindungan marin, pembenihan ikan serta membantu melindungi pantai melalui ekosistem *Seagrass Meadow*

03
Laluan Rel Butterworth - Bertam – Kubang Menerong (Sebahagian Dari Jajaran ECRL3)

Projek infrastruktur rel strategik yang berfungsi untuk menghubungkan Butterworth dengan cadangan *East Coast Rail Link 3* (ECRL3)

04
Lebuhraya Hubungan Tengah *(Central Spine)* Bertam – Sungai Dua – Simpang Ampat

Jalan alternatif bagi mengurangkan kesesakan jalan

05
Laluan Rel Butterworth ke Kulim

Menghubungkan pusat pengangkutan utama di Seberang Perai dengan pusat perindustrian di Kulim, Kedah

06
Lintasan Pulau Pinang Ketiga

Inisiatif strategik bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas serta menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang negeri

07
Cadangan Terowong Balik Pulau – Paya Terubung

Laluan alternatif yang lebih stabil dan selamat, khususnya ketika kecemasan atau bencana alam

08
Pembesaran Kawasan Penang Sentral

Memperkasa peranannya sebagai hab pengangkutan awam bersepadu utama di koridor utara

09
Cadangan The Penang Gateway

Pembangunan bercampur tambakan laut di persisiran pantai dari Tanjong Bungah hingga ke Batu Feringghi

10
Penang Port Fasa 3

Fasa pembangunan terakhir untuk PKBU yang merupakan kemudahan pengendalian kontena utama di pelabuhan Pulau Pinang

11
Cadangan Pusat Pengumpulan Kapal

Operasi bunkering dan kapal penumpang/ro-ro, dengan peningkatan pemantauan maritim terhadap kapal tangki di perairan

12
Biodiesel Blending Depot

Mengurangkan pergantungan kepada bahan api diesel fosil, menyokong industri kelapa sawit negara dan mengurangkan pelepasan karbon

13
***Waste to Energy* (WTE) Pulau Burong**

Menguruskan sisa pepejal domestik dengan beban semasa

14
Lebuhraya Bertingkat Batu Kawan ke Lebuhraya Bertingkat Juru – Sg. Dua

Meningkatkan kesalinghubungan rangkaian pengangkutan antara kawasan pertumbuhan utama di Seberang Perai

CADANGAN PROJEK FLAGSHIP DI NEGERI PULAU PINANG

01

Taman Industri Aeroangkasa dan Logistik Pulau Pinang @ PILA dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

Menghubungkan industri pembuatan Pulau Pinang terus ke pasaran global melalui kargo udara

02

Koridor Inovasi dan Semikonduktor Bertaraf Global Pulau Pinang @ Bayan Lepas (FIZ)

Tertumpu kepada aktiviti pemasangan dan pengujian cip, diperluas kepada reka bentuk cip, R&D dan penciptaan teknologi sendiri

03

Bandar Pesisiran Pintar dan Mampan Pulau Pinang @ PSI, PWCC, The Light dan Gurney Bay (Andaman)

Mewujudkan persekitaran yang menggabungkan fungsi kediaman, pekerjaan dan rekreasi secara holistik

04

Perumahan Mampu Milik dan Transit Belia Pulau Pinang @ Seberang Perai Tengah

Menyediakan perumahan mampu milik yang disasarkan kepada belia dan golongan muda

05

Projek Daya Tahan Iklim dan Jaminan Sekuriti Sumber Air Pulau Pinang @ Sg. Kerian dan Sg. Perai

Memberi tumpuan kepada pengurangan risiko banjir, penyejukan persekitaran bandar serta jaminan bekalan air yang mencukupi

06

Hab Global Pendidikan dan Penyelidikan Iklim Serta Biodiversiti Bukit Bendera, Pulau Pinang

Pusat penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan global yang menumpukan kepada biodiversiti, perubahan iklim dan pembangunan mampan

07

Segitiga Pertumbuhan Bersepadu Nibong Tebal- Parit Buntar - Bandar Baharu

Menyokong jaringan pergerakan, perdagangan dan interaksi rentas sempadan

08

Hab Pelancongan Agro dan Dusun Bersepadu Balik Pulau

Pengukuhan Balik Pulau sebagai pusat agrotourism utama di Pulau Pinang

09

Pulau Jerejak: Hab Biodiversiti dan Ketahanan Iklim Pulau Pinang

Pulau ini berpotensi diketengahkan sebagai destinasi yang menonjolkan biodiversiti, sejarah dan aktiviti luar berasaskan alam

GAMBAR RAJAH UTAMA DRAF RSNPP2040 (KAJIAN SEMULA)



PROJEK BERIMPAK TINGGI

1. LEBUHRAYA LINGKARAN PANTAI PULAU PINANG
2. PENGEKALAN MIDDLE BANK MARINE SANCTUARY
3. LALUAN REL BUTTERWORTH - BERTAM – KUBANG MENERONG (SEBAHAGIAN DARI JAJARAN ECRL3)
4. LEBUHRAYA HUBUNGAN TENGAH (CENTRAL SPINE) BERTAM – SUNGAI DUA – SIMPANG AMPAT
5. LALUAN REL BUTTERWORTH KE KULIM
6. LINTASAN PULAU PINANG KETIGA
7. CADANGAN TEROWONG BALIK PULAU – PAYA TERUBUNG
8. PEMBESARAN KAWASAN PENANG SENTRAL
9. CADANGAN THE PENANG GATEWAY
10. PENANG PORT FASA 3
11. CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN KAPAL
12. BIODIESEL BLENDING DEPOT
13. WASTE TO ENERGY (WTE) PULAU BURONG
14. LEBUHRAYA BERTINGKAT BATU KAWAN KE LEBUHRAYA BERTINGKAT JURU – SG. DUA

PROJEK FLAGSHIP

1. TAMAN INDUSTRI AEROANGKASA DAN LOGISTIK PULAU PINANG @ PILA DAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG
2. KORIDOR INOVASI DAN SEMIKONDUKTOR BERTARAF GLOBAL PULAU PINANG @ BAYAN LEPAS (FIZ)
3. BANDAR PESISIRAN PINTAR DAN MAMPAN PULAU PINANG @ PSI, PWCC, THE LIGHT DAN GURNEY BAY (ANDAMAN)
4. PERUMAHAN MAMPU MILIK DAN TRANSIT BELIA PULAU PINANG @ SEBERANG PERAI TENGAH
5. PROJEK DAYA TAHAN IKLIM DAN JAMINAN SEKURITI SUMBER AIR PULAU PINANG @ SG KERIAN, SG PERAI
6. HAB GLOBAL PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN IKLIM SERTA BIODIVERSITI BUKIT BENDERA, PULAU PINANG
7. SEGITIGA PERTUMBUHAN BERSEPADU NIBONG TEBAL- PARIT BUNTAR - BANDAR BAHARU
8. HAB PELANCONGAN AGRO DAN DUSUN BERSEPADU BALIK PULAU
9. PULAU JEREJAK: HAB BIODIVERSITI DAN KETAHANAN IKLIM PULAU PINANG

PETUNJUK

Kawasan Pembangunan :
- Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 (KKP1)
- Kawasan Keutamaan Pembangunan 2 (KKP2)
- Sempadan Kawasan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Kawasan Sensitif Alam Sekitar :
- Jelapang Padi
- Pertanian
- Hutan
- Hutan Simpanan Kekal (HSK)
- Badan Air
- Zon Industri Akuakultur (ZIA)
- Sempadan Kawasan Tadahan Air
- Kawasan Biosphere
- Middle Bank
- Garisan Kontur 76 meter
- Garisan Kontur 150 meter

Cadangan Pengangkutan :
- North Coastal Paired Road
- Gurney Drive Paired Road
- Pan Island Link 1
- Pan Island Link 2
- Persiaran Gurney - Lebuhraya Tun Dr LCE Bypass
- Ayer Itam - Lebuhraya Tun Dr LCE Bypass
- Lintasan ke 3
- Lebuhraya Bertingkat Batu Kawan - Juru - Sg.Dua
- LRT Mutiara Line
- Raja Uda - Bukit Mertajam Line
- Permatang Tinggi - Batu Kawan Line
- Tanjung Tokong Line
- Sky Cab
- Lebuhraya Lingkaran Pantai Pulau Pinang
- Lebuhraya Hubungan Tengah (Central Spine) Bertam - Sg. Dua - Simpang Ampat
- Laluan Rel Butterworth - Bertam - Kubang Menerong (Sebahagian Jajaran ECRL 3)
- Cadangan Terowong Balik Pulau - Paya Terubung
- Lebuhraya NCER - Sentang
- North South Expressway Link Road
- Laluan Rel Butterworth ke Kulim

Lain-lain :
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Laluan Rel
- Pelabuhan Utama
- Pelabuhan Kapal Layar
- Terminal Feri
- Lapangan Terbang
- Kawasan Cadangan Tebus Guna Tanah Yang Telah Diperseluasi oleh Kerajaan Negeri